

Muslihat gencatan senjata Israel-Hamas

am 24.06.08 MJS 10

GENCATAN senjata Israel dan Hamas pada Khamis lalu untuk tempoh enam bulan yang diusahakan oleh Mesir merupakan gencatan senjata rasmi pertama antara kedua-dua pihak, sejak Hamas mengambil alih Gaza daripada Fatah lebih setahun lalu.

Sejak pengambilalihan itu, Hamas telah menjadikan kawasan itu sebagai tapak untuk melancarkan roket-roketnya ke arah Israel sehingga membuatkan kawasan itu menjadi sasaran ketenteraan Israel selain berdepan dengan sekatan rejim zionis itu.

Hamas bertekad untuk menghormati gencatan senjata itu, walaupun Perdana Menteri Israel, Ehud Olmert menyifatkan gencatan senjata itu adalah 'rapuh' dan 'tidak bertahan lama'.

Dan, Israel juga masih tidak bersedia mengadakan rundingan langsung dengan Hamas.

Bagaimanapun bagi Hamas, gencatan senjata itu sangat bermakna kerana ia secara tidak langsung menandakan Israel mengiktiraf Hamas yang selama ini dianggap sebagai pertubuhan pengganas. Gencatan senjata juga menandakan kejayaan awal ke arah menyambung semula rundingan damai Palestin-Israel setelah terencat beberapa tahun.

Pada dasarnya, Palestin-Israel telah mencapai persetujuan mengenai rangka cadangan perjanjian damai dengan tumpuan bagi menyelesaikan isu-isu utama konflik, yang menjadi penghalang usaha damai sejak beberapa tahun meliputi isu sempadan, status Baitulmaqdis dan nasib pelarian Palestin.

Banyak pihak termasuk Ketua Perunding Palestin, Ahmed Qurei meragui kejayaan perjanjian damai kali ini tetapi kesediaan Israel mengadakan gencatan senjata dan kesediaan Mahmoud Abbas mengadakan dialog dengan Hamas merupakan langkah permulaan yang positif untuk menghidupkan semula rundingan damai di wilayah tersebut.

Pada masa yang sama, banyak pihak musykil apakah Israel kali ini benar-benar ikhlas bagi melicinkan proses rundingan damai yang sedang diusahakan oleh Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush.

Seperti yang dinyatakan oleh Ahmad Qurei, hanya keajaiban sahaja membolehkan sasaran perjanjian damai yang ditetapkan oleh Presiden Amerika itu dapat dicapai sebelum akhir tahun ini.

Maka pasti Israel mempunyai muslihat apabila ia bersetuju mengadakan gencatan senjata dengan Hamas.

Pertama, tindakannya bersedia untuk menyambung proses damai Palestin-Israel dilihat semata-mata bagi menjaga hati Bush yang akan menamatkan tempoh pentadbirannya sebelum Januari tahun depan.

Kedua untuk membolehkan Israel mengalihkan tumpuan buat sementara di Genting Gaza daripada gangguan serangan roket Hamas.

Ketiga, supaya Tel Aviv dapat memberi fokus kepada musuh sebenarnya ketika ini iaitu Iran yang sedang membangunkan program nuklearnya.

Israel dan Bush mahu menjayakan agenda bersama mereka untuk menyerang Iran sebelum akhir tahun ini bagi memusnahkan apa yang mereka dakwa sebagai usaha Iran untuk membina senjata nuklear.